

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2002/2003

September 2002

HTV 201 – Teknik Berfikir

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM [6]** soalan di dalam **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Arahan:

Kertas ini dibahagikan kepada **DUA [2]** bahagian: **A** dan **B**.

Jawab **SATU [1]** soalan dari setiap bahagian.

Setiap jawapan tidak boleh melebihi **TIGA [3]** halaman.

Sila catatkan dengan jelas nama tutor yang mengendalikan tutorial anda dan pusat pengajian anda di sudut kiri skrip.

Nyatakan dengan jelas teknik-teknik berfikir yang anda gunakan dalam jawapan anda.

Bahagian A: Jawab **SATU [1]** soalan sahaja.

1. Minat membaca di kalangan rakyat Malaysia dikatakan masih rendah. Dengan menggunakan pemikiran kreatif melalui analisis dan desain, bincangkan bagaimana minat membaca di kalangan rakyat Malaysia dapat dipertingkatkan.
2. Sejak kebelakangan ini, jenayah yang menimpa wanita-wanita yang menggunakan kenderaan awam semakin meningkat. Dengan menggunakan kaedah konsep segitiga, janakan cadangan-cadangan kreatif bagaimana keselamatan mereka boleh dilindungi dan bincangkan cadangan-cadangan anda.

Bahagian B: Jawab **SATU [1]** soalan sahaja

3. Dengan menggunakan kaedah Enam Topi Berfikir, bincangkan kewajaran penggunaan Bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik di sekolah.
4. Sejak akhir-akhir ini, Malaysia banyak membina infrastruktur sukan bertaraf antarabangsa, antaranya Litar F1 Sepang dan Stadium Nasional Bukit Jalil. Dengan menggunakan gaya-gaya berfikir yang sesuai, bincangkan kesan-kesan daripada pembinaan infrastruktur yang sedemikian.
5. Kempen kitar semula sering diperkatakan sejak akhir-akhir ini. Namun sambutannya tidak begitu menggalakkan tetapi tidak juga dikira gagal sepenuhnya. Dengan menggunakan alat-alat berfikir yang sesuai, kenal pasti punca-punca kurangnya sambutan terhadap kempen ini dan bincangkan cara-cara kreatif untuk menggalakkan masyarakat prihatin dengan kempen ini serta melaksanakan kitar semula.
6. Masalah kurang minat terhadap pelajaran di kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia dilaporkan semakin meningkat. Mereka didapati lebih banyak menghabiskan masa di kafe siber dan pusat-pusat hiburan dan kurang menumpukan perhatian terhadap pelajaran. Dengan menggunakan teknik berfikir yang sesuai, bincangkan dan kemukakan cawangan-cawangan yang sesuai untuk menarik minat pelajar terhadap pelajaran dan sekolah.

-- oo000oo --